



سكوله كبغساان فناريق، ستيو، ترغكانو.

SEKOLAH KEBANGSAAN PENAREK
22120 SETIU, TERENGGANU.

☎ 011-65752515 📧 TBA6011@moe.edu.my



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Ruj : SKP.600-3/5/5()

Tarikh : 23 MAC 2024

.....
Sekolah Kebangsaan Penarek
22120 Setiu
Terengganu

Cikgu,

LANTIKAN SEBAGAI GURU PEMIMPIN / GURU PENASIHAT UNIT KOKURIKULUM

Dengan segala hormatnya saya adalah diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, saya dengan ini menurunkan kuasa saya kepada tuan/puan/cik sebagai Guru Penasihat(Unit Beruniform, Kelab/ Persatuan, Sukan dan Permainan/1M1S). Sebagai Guru Penasihat Kokurikulum, tuan/puan/cik bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berikut:
 - 2.1 Menyediakan dan melaksanakan perancangan strategik, perancangan aktiviti tahunan dan takwim bagi Unit Beruniform, Kelab/Persatuan, Sukan dan Permainan/1M1S.
 - 2.2 Memastikan pelajar-pelajar yang mengikuti Unit Beruniform, kelab/Persatuan, Sukan dan Permainan/1M1S didaftarkan dan maklumat sebagai ahli dilengkapkan.
 - 2.3 Memastikan sistem fail dilengkapkan dan dikemaskini mengikut panduan yang diberikan.
 - 2.4 Carta organisasi, maklumat ahli, laporan aktiviti mingguan, minit mesyuarat, takwim, perancangan strategik perlembagaan dll perlulah ada di dalam fail masing-masing.
 - 2.5 Memastikan yuran yang dikutip mendapat kelulusan daripada Pengetua dan dilaporkan kepada PK Kokurikulum.
 - 2.6 Pegawai yang bertukar perlulah memberikan fail untuk penyerahan tugas.
 - 2.7 Pada akhir tahun, guru penasihat perlu melengkapkan laporan tahunan dan borang penilaian ahli beserta fail kokurikulum dan diserahkan kepada PK Kokurikulum.
3. Kuasa yang diperturunkan bermula daripada **20 March 2024 hingga Februari 2025**.
4. Kerjasama daripada tuan/puan/cik amat saya harapkan dan semoga tuan/puan/cik dapat melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang diberikan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

“PENERAJU TRANSFORMASI PENDIDIKAN”

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

.....

(MAIMONAH BINTI KOMAD)

Penolong Kanan PPKI

b/p Guru Besar

SK Sembirai, Kota Belud

s.k Jawatankuasa Pengurusan Kokurikulum Sekolah